



MALAYSIA



Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 21
No. 2

27hb Januari 1977

TAMBAHAN No. 7
PERUNDANGAN (A)

✓ P.U. (A) 15.

AKTA PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR 1972

PERINTAH PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (MUSIM TUTUP) 1977

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 31 Akta *Akta 76.* Perlindungan Hidupan Liar 1972, Menteri membuat perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perlindungan Hidupan Liar (Musim Tutup) 1977** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Februari 1977. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. (1) Tempoh mulai dari 1hb Februari 1977 hingga 31hb Januari 1979 hendaklah menjadi musim tutup berkenaan dengan binatang liar yang dipelihara yang disenaraikan dalam Jadual Dua Bahagian II Akta itu sebagai butiran No. 1. Musim tutup.

(2) Tempoh mulai dari 1hb Februari 1977 hingga 31hb Januari 1979 hendaklah menjadi musim tutup dalam Negeri Trengganu sahaja berkenaan dengan binatang-binatang liar yang dipelihara yang disenaraikan dalam Jadual Dua Bahagian II Akta itu sebagai butiran-butiran No. 8-9.

3. Jadual Ketiga Perintah Perlindungan Hidupan Liar 1972 adalah dipinda dengan memotong semua catitan berhubung dengan binatang-binatang liar yang dipelihara yang dinyatakan dalam perenggan 2. Pindaan bagi Jadual Ketiga. P.U. (A) 409/72.

Sub. P.U. (A) 173/77

Diperbuat pada 27hb haribulan Januari 1977.

[KST & AS. 4289; Merg: 17/IP/Sulit; PN. (PU²) 113.]

TAN SRI ONG KEE HUI,
Menteri Sains, Teknologi dan
Alam Sekitar

✓ P.U. (A) 17.

AKTA PASARAN GETAH PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
(PERBADANAN) 1962

KAEDAH-KAEDAH PASARAN GETAH PERSEKUTUAN TANAH MELAYU
(PINDAAN) 1977

11/62. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 14 dan 16 Akta Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu (Perbadanan) 1962, Perbadanan dalam Mesyuarat Agung membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan
mula berkuat-
kuasa.

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu (Pindaan) 1977**, dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 21hb Disember 1976.

Pindaan bagi
Jadual Kedua.
11/62.

2. Kaedah-kaedah Pasaran Getah Persekutuan Tanah Melayu 1961 adalah dipinda mengikut cara yang diperuntukan dalam Jadual.

JADUAL

*Peruntukan-peruntukan
yang dipinda*

Jenis Pindaan

- | | | |
|------------------|-----|---|
| Kaedah 6 (b) (i) | ... | Potong perkataan-perkataan "in any of the classes of the rubber trade or industry referred to in Rule 5 (1)". |
| Kaedah 9 (2) | ... | Potong perkataan-perkataan "Class and" dalam baris keenam dan perkataan-perkataan "but this paragraph shall not apply to the class of membership described in rule 5 (1) (d). Candidates for election under rule 5 (1) (d) shall be subject to the procedure laid down in rules 8 and 9 (3)". |

Diperbuat pada 6 haribulan Januari 1977.
[KPU. (E) O.2/13/1; PN. (PU²) 329.]

LEW SIP HON,
Pengerusi,
Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia

FEDERATION OF MALAYA RUBBER EXCHANGE
(INCORPORATION) ACT 1962

FEDERATION OF MALAYA RUBBER EXCHANGE (AMENDMENT)
RULES 1977

11/62. In the exercise of the powers conferred by sections 14 and 16 of the Federation of Malaya Rubber Exchange (Incorporation) Act 1962, the Corporation in General Meeting makes the following rules:

Citation and
commence-
ment.

1. These rules may be cited as the **Federation of Malaya Rubber Exchange (Amendment) Rules 1977**, and shall be deemed to have come into force on the 21st December 1976.

2. The Federation of Malaya Rubber Exchange Rules 1961 are amended in the manner provided in the Schedule.

Amendment of
Second
Schedule.
11/62.

SCHEDULE

<i>Provisions Amended</i>	<i>Nature of Amendments</i>
Rule 6 (b) (i) ...	Delete the words "in any of the classes of the rubber trade or industry referred to in Rule 5 (1)".
Rule 9 (2) ...	Delete the words "Class and" in the sixth line and the words "but this paragraph shall not apply to the class of membership described in rule 5 (1) (d). Candidates for election under rule 5 (1) (d) shall be subject to the procedure laid down in rules 8 and 9 (3)".

Made this 6th day of January 1977.
[KPU. (E) O.2/13/1; PN. (PU²) 329.]

LEW SIP HON,
Chairman,
Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board

✓ P.U. (A) 18.

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DALAM NEGERI
(PENDAFTARAN BURUH) (PINDAAN) 1976

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 71 Akta 18/60. Keselamatan Dalam Negeri 1960, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pendaftaran Buruh) (Pindaan) 1976.** Nama.
2. Peraturan 2 Peraturan-peraturan Keselamatan Dalam Negeri (Pendaftaran Buruh) 1960, yang dalam Peraturan-peraturan ini disebut peraturan-peraturan itu, adalah dipinda—
 - (a) dengan memotong perkataan-perkataan "the Emergency (Registration Areas) Regulations, or" yang terdapat dalam takrif "identity card" dalamnya; dan
 - (b) dengan menggantikan takrif "workman" yang terdapat dalamnya dengan yang berikut—

" "workman" means any person engaged to work at a scheduled industry".
3. Peraturan 3 peraturan-peraturan itu adalah dipinda—
 - (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "business premises of such industry" yang terdapat dalam perenggan-kecil (b) perenggan (1) dengan perkataan-perkataan "place of employment";

Pindaan bagi
peraturan 2.
L.N. 197/60.

Pindaan bagi
peraturan 3.